

TARIKH : 15/2/2023
SURAT KHABAR : METRO
MUKA SURAT : 21

Harian Metro | Rabu 15.02.2023



Kemuka dokumen palsu tuntut RM1.19 juta

Kuala Lumpur: Seorang pengarah syarikat dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas pertuduhan mengemukakan dokumen palsu bagi menuntut insentif di bawah Program Penjana Kerjaya 2.0 Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berjumlah RM1.19 juta.

Tertuduh, S Ratah (**gambar**), 54, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Suzana Hussin. Ratah selaku pemilik syarikat Star Skill Sdn Bhd yang membekalkan tenaga kerja didakwa memberi borang pengesahan pekerja program insentif pengambilan pekerja atas nama syarikat itu bertarikh 3 Mei dan 6 Mei 2021 kepada ejen dan pegawai Perkeso.

Tertuduh didakwa berniat memperdayakan Perkeso yang mana borang pengesahan itu mengandungi pernyataan palsu iaitu 12 orang dalam senarai pekerja yang dinamakan dalam borang bukan pekerja syarikat berkenaan.

Kesalahan dilakukan di Wisma Perkeso, Jalan Tun Razak, di sini, sekitar Mei 2021.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun serta denda tidak kurang lima kali ganda nilai palsu atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Fadly Mohd Zamry menawarkan jaminan RM50,000 terhadap tertuduh selain syarat tambahan perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPMR berdekatan setiap bulan.

Namun peguam tertuduh, Tarlochan Singh Dhaliwal memohon jaminan dikuangkan atas alasan anak guamnya tiada pendapatan tetap selepas syarikatnya muflis dan mempunyai masalah kesihatan yang memerlukan rawatan susulan.

Hakim membenarkan tertuduh diikat jaminan RM45,000 dengan syarat tambahan dan menetapkan sebutan semula kes pada 14 Mac ini.